



WARTA CAHAYA

Januari 2022

m/s 2

Kenali Kami!

m/s 3

Bikin Apa?

m/s 5

Bulan depan, bikin apa?

m/s 6

Sokong Kami!

m/s 7

Penghargaan

Tahun keempat CLC beroperasi untuk tujuan memberi pendidikan asas kepada 35 anak-anak keciciran pendidikan kalangan komuniti tanpa dokumen dan tanpa negara di Sandakan



Kenali Kami!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



Bikin Apa?

1 | Pendaftaran & Taklimat Pelajar Cahaya Learning Centre (CLC) 2022/2023

Tahun keempat CLC beroperasi untuk tujuan memberi pendidikan asas kepada 35 anak-anak keciciran pendidikan kalangan komuniti tanpa dokumen dan tanpa negara di Sandakan, Sabah.



2 | Program #KembaliKeCahaya2022

Tajaan barang keperluan belajar kepada 35 anak-anak cahaya sebelum memulakan sesi pembelajaran.



3 | Lawatan rasmi Delegasi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Kuala Lumpur & Sabah

Lawatan rasmi untuk memahami cabaran komuniti tanpa negara di Pusat Pembelajaran Alternatif kelolaan Cahaya Society. Anak-anak cahaya turut membentangi aspirasi dan cita-cita mereka di hadapan delegasi.

Bikin Apa?

- 4 | **Webinar Cahaya**
Siri ke-15 bertajuk Perubahan Iklim: Apa dosa manusia?
- 5 | **Projek Cat Pusat Alternatif**
Mengecat ruang belajar Pusat Alternatif Teratak Ilmu yang memanfaatkan lebih 60 anak-anak keciciran pendidikan. Turut melibatkan ramai sukarelawan dan komuniti.
- 6 | **Kunjungan Persatuan Seni & Muzik Sabah dan Sabah Integrity Alliance Association (SINAR)**
Pertemuan membincangkan program terdekat dan perkongsian aspirasi bersama NGO SINAR yang turut memperjuangkan nasib anak-anak tanpa negara di Lahad Datu, Sabah.
- 7 | **CLC & Modul Baharu**
Januari 2022, kita turut memperkenalkan beberapa subjek baharu yang akan menjadi fokus dan tambah nilai kepada anak-anak cahaya sepanjang tahun ini iaitu Bahasa Korea (diajarkan oleh salah seorang anak cahaya) dan Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (PJPK) sebagai modul keselamatan yang disesuaikan dengan kebiasaan komuniti.





Bulan depan, bikin apa?

- 1 | Program Prihatin Cahaya** melibatkan 500 orang penerima dalam kalangan komuniti rentan dengan kerjasama IOM UN-Migration (Malaysia).
- 2 | Penganjur bersama** dalam Festival Artnation melibatkan aktiviti seni dan budaya di Sandakan, Sabah.
- 3 | Lawatan Sambil Belajar** bersama anak-anak cahaya untuk subjek Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (PJPK).
- 4 | Membuka peluang kepada sukarelawan** yang ingin mengajar Kelas Memasak - Februari 2022.



Penghargaan

Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!

Media

website: **cahaya**society.org****

facebook/instagram/twitter: **Cahaya Society**

email: **cahaya**society@gmail.com****

Alamat

Bandar Ramai-Ramai,
Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila,
90000, Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat)

089 666 915

No. Tel (Admin)

017 820 6712 (En. Suardy M.Natsir)

ㄱ	ㄴ	ㄷ	ㄹ
k/g	n	d/t	l/r

ㅁ	ㅂ	ㅅ	ㅇ
m	b/p	s	ng

ㅈ	ㅊ	ㅋ	ㆁ
j	ch	kh	h

ㅍ	ㅎ	ㅌ
p	h	kt

ㅃ	ㅆ	ㅉ
pp	ss	jj



konsonan bawah (바닥 / ba)

Sokong Kami!

*Sumbangan untuk tujuan
advokasi dan program
pendidikan alternatif ke:*

**Pertubuhan Pendidikan
Anak Cahaya Sabah**

860 368 6012
(CIMB Bank)

5600 2751 2662
(Maybank)